

Pengambilan pelajar ke Sekolah Pertanian Lestari

UMS perlu kaedah strategik

UM 11.01.2012 27

Oleh **RAFIDAH YA'AKOB**
utusansabah@utusan.com.my

SANDAKAN 10 Jan. - Universiti Malaysia Sabah (UMS) perlu mempunyai kaedah strategik berhubung pemilihan pelajar yang layak untuk ke Sekolah Pertanian Lestari.

Ketua Setiausaha Kementerian Pengajian Tinggi, Datuk Ab. Rahim Md. Noor berkata, ia bagi memastikan hanya pelajar yang benar-benar minat dan berpotensi dalam bidang pertanian sahaja terpilih melanjutkan

kan pelajaran di sekolah berkenaan.

Katanya, langkah itu sekali gus dapat mengelak lambakan pelajar serta yang terpaksa atau tidak berminat dengan bidang ditawarkan.

"Sekolah ini memerlukan pelajar yang benar-benar minat dan cenderung dalam bidang pertanian. Kita tidak mahu ia menjadi tempat lambakan bagi pelajar yang datang



AB. RAHIM MD. NOOR

ke sini hanya selepas permohonan mereka untuk kursus lain ditolak.

"Justeru, bagi mengelak perkara seumpama ini, pihak universiti perlu mencari kaedah strategik, selain membina rangkaian terbaik untuk memilih pelajar yang layak dan sesuai sahaja," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Penyerahan Bangunan Sekolah Pertanian Lestari

UMS dan Bangunan Politeknik Sandakan di sini, baru-baru ini.

Hadir sama Naib Canselor UMS, Prof. Datuk Dr. Kamarulzaman Ampon; Ketua Jabatan Pengajian Politeknik, Mejar Md. Nor Yusof; Dekan Sekolah Pertanian Lestari UMS, Prof. Madya Dr. Mahmud Sudin dan Pengarah Politeknik Sandakan, Mohd. Hatta Zainal.

Sementara itu, Timbalan Ketua Pengarah Kerja Raya (Sektor Pengurusan), Datuk Ir. Annies Md. Ariff berkata, dengan adanya kemudahan Sekolah Pertanian Lestari UMS dan Po-

liteknik Sandakan itu diharap mampu menjana modal insan berkualiti bagi keperluan pembangunan negara.

Katanya, meskipun timbul beberapa masalah di peringkat awal pembinaan, namun ia berjaya ditangani hasil kerjasama daripada agensi yang terlibat.

Sekolah Pertanian Lestari UMS dibina melibatkan tapak 99 hektar dengan peruntukan RM230 juta.

Pembinaan projek itu bermula pada Oktober 2008 dan siap keseluruhannya pada Ogos 2011.